PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)
NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalaman
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(56) 23 NOVEMBER 2020

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN 56/2020:
URUSAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2021 SEMASA TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk serta surat Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diterima oleh PIKM pada 16 November 2020 seperti yang dikembarkan adalah berkaitan.

2. Seperti yang telah dimaklumkan melalui Surat Edaran PIKM ke-54/2020 bertarikh 21 Oktober 2020, susulan daripada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 14 Oktober 2020, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memutuskan sesi bertemu pelanggan bagi tujuan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2021 dan **kaunter Bahagian Keselamatan ditutup** buat sementara sehingga dimaklumkan kelak. Oleh itu, Ahli-ahli hendaklah menyerahkan semua **dokumentasi melalui perkhidmatan pos/kurier** mengikut tatacara seperti berikut:

2.1.1 Dokumen sokongan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2021 hendaklah dibukukan (binding) dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*).

2.1.2 Dokumen sokongan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian juga perlu disediakan dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dengan format PDF dan dimuatnaik dalam pemacu pena (*pendrive*); dan

2.1.3 Dokumen pembaharuan Lesen Agensi Persendirian tahun 2021 yang lengkap (hardcopy dan softcopy) dihantar ke alamat berikut:

Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Keselamatan
Aras 10, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
(U.P: Unit Agensi Persendirian)

2.1.4 **Syarikat kawalan keselamatan dan siasatan** yang telah diluluskan pembaharuan lesen bagi tahun 2021 boleh menjelaskan bayaran dalam bentuk deraf bank atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.**

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama Ahli-ahli agar dapat memastikan semua dokumen pembaharuan yang berkaitan adalah lengkap dan menepati keperluan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan, KDN supaya proses pertimbangan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Untuk makluman dan tindakan lanjut Ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar, ,



DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN

s.k YBrs. Tuan Muhamad Ghazali bin Mamat @ Mansor
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Keselamatan
Aras 10, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN
ARAS 10, BLOK D1, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88868064
Faks : 03-88891751

Rujukan : KDN.KK.S.700-1/3/3
Tarikh : 12 November 2020

YBhg. Dato' Sri Hj. Ramli Bin Yusuff
Presiden
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691

YBhg. Dato' Sri,

URUSAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2021 SEMASA TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di lokasi-lokasi tertentu akibat peningkatan kes penularan pandemik COVID-19 mulai 14 Oktober 2020 yang lalu. Susulan daripada penguatkuasaan PKPB tersebut, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memutuskan agar sesi bertemu pelanggan bagi tujuan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian tahun 2021 dan kaunter Bahagian Keselamatan, KDN ditutup buat sementara sehingga dimaklumkan kelak. Dalam hubungan ini, bagi memastikan kelancaran pembaharuan Lesen Agensi Persendirian maka urusan dokumentasi boleh diserahkan melalui perkhidmatan pos/kurier ke kementerian ini. Oleh itu, pihak syarikat kawalan keselamatan hendaklah mengemukakan dokumen seperti tatacara berikut:

i. Dokumen sokongan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2021 hendaklah dibukukan (*binding*) dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy);*

ii. Dokumen sokongan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian juga perlu disediakan dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dengan format PDF dan dimuatnaik dalam pemacu pena (*pendrive)*;dan

iii. Dokumen pembaharuan Lesen Agensi Persendirian tahun 2021 yang lengkap dihantar ke alamat berikut;

Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Keselamatan
Aras 10, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
(u.p. Unit Agensi Persendirian)

PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIAN SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION (MSIA))
16 NOV 2020
RECEIVED

iv. Syarikat kawalan keselamatan yang telah diluluskan pembaharuan lesen bagi tahun 2021 boleh menjelaskan bayaran dalam bentuk deraf bank atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**.

3. Pihak Kementerian juga ingin memaklumkan bahawa hanya dokumen yang lengkap sahaja akan diakui penerimaan bagi tujuan pertimbangan pembaharuan oleh Bahagian Keselamatan, KDN. Oleh itu, kerjasama semua syarikat kawalan keselamatan adalah dimohon agar dapat memastikan dokumen pembaharuan menepati keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian supaya proses pertimbangan dapat dilaksanakan dengan lancar demi penyampaian perkhidmatan yang baik.

4. Segala perhatian dan kerjasama amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ANUAR ZAKI BIN BAKAR)
Bahagian Keselamatan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU

SUB (K)